

BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI YUNNAN MINZU DI UKM DAN USM

FIKRI GHAFAR

Universiti Kebangsaan Malaysia

Fikrighafar22@gmail.com

SA'ADIAH MA'ALIP*

Universiti Kebangsaan Malaysia

adia@ukm.edu.my

*Penulis Koresponden

ABSTRAK

Kajian ini berkaitan dengan tahap penguasaan bahasa Melayu aspek morfologi terhadap pelajar dari Universiti Yunnan Minzu, China yang mengikuti program pengajian bahasa Melayu pada sesi pengajian 2019/2020 di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Subjek kajian terdiri daripada hanya 16 orang pelajar lelaki dan perempuan yang mengikuti pengajian di Malaysia pada sesi pengajian tersebut. Namun begitu, subjek kajian daripada UKM dan USM ini dapat menyumbang data kajian yang dilakukan kerana kesemuanya memberikan komitmen yang tinggi dalam kajian ini. Subjek kajian ini telah diberikan ujian morfologi bahasa Melayu yang mana bertujuan untuk menilai dan menganalisis beberapa kesilapan yang boleh dikenalpasti. Data-data untuk kajian ini telah diperoleh daripada hasil ujian morfologi serta hasil soal selidik yang diedarkan kepada mereka. Penganalisisan yang telah dibuat di dalam ujian itu adalah melalui penelitian golongan kata, konsep kata dan pembentukan kata yang mana merupakan ilmu asas dalam bidang morfologi. Berdasarkan hasil kajian yang telah diperoleh, pengkaji telah memapar, membincang, menganalisis dan mentafsir data-data kajian tersebut. Selain itu, statistik telah menunjukkan tahap penguasaan bahasa Melayu mereka mencapai pada tahap yang memuaskan sahaja. Hasil kajian juga menunjukkan beberapa pelajar telah berjaya untuk menguasai ketiga-tiga bahagian yang diuji berbanding majoriti daripada subjek kajian ini yang hanya pada tahap memuaskan sahaja. Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian ini memberi impak positif terhadap subjek kajian khususnya. Selain itu kajian ini juga penting untuk membantu pihak Universiti Yunnan Minzu, China meningkatkan penguasaan bahasa Melayu, khususnya aspek morfologi ini kepada para pelajar mereka.

Kata kunci: Analisis kesalahan; bahasa Melayu; morfologi; penguasaan bahasa; Universiti Yunnan Minzu

MALAY LANGUAGE AMONG YUNNAN MINZU UNIVERSITY STUDENTS IN UKM AND USM

ABSTRACT

This study is related to the level of Malay morphological aspects of students from Yunnan Minzu University of China, who joined the Malay language studies in 2019/2020 academic session at Universiti Kebangsaan Malaysia and Universiti Sains Malaysia. The research subjects consisted of only 16 male and female students studying in Malaysia during the study session. However, the research subjects from the Universiti Kebangsaan Malaysia and Universiti Sains Malaysia can contribute to the research data conducted because they all gave a high commitment in this study. The research subjects were given the morphology Malay language test which aims to assess and analyze a number of errors that can be identified. Data for this study were obtained from the results of morphological tests as well as the results of questionnaires distributed to them. The analysis that has been done in the test was through the study of word groups, word concepts and word formation which are the basic knowledge in the field of morphology. Based on the results of the study that has been obtained, the researcher has displayed, discussed, analyzed and interpreted the data of the study. In addition, statistics have showed that they reach a satisfactory level only in the Malay language. The results of the study also shown that some students have managed to master the three aspects tested compared to the majority of the subjects of this study which only managed a satisfactory level. Therefore, the researcher hopes that this study has a positive impact on the research subjects in particular. In addition, this study is also important to help the Yunnan Minzu University of China increase its Malay language, especially aspects of morphology to their students.

Keywords: Error analysis; Malay language; morphology; language proficiency; Yunnan Minzu University

PENGENALAN

Di Malaysia, bahasa kebangsaan yang digunakan adalah Bahasa Melayu. Masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Mereka dapat hidup dengan aman dan harmoni tanpa ada berlaku kekecohan atau perbalahan bangsa. Menurut Wankhede (2012:1) adalah sesuatu bahasa digunakan untuk alat penyampai fikiran dan penyatuan idea. Komunikasi menggunakan sesuatu bahasa akan dapat memudahkan kita dalam memindahkan idea, emosi, dan pemikiran, menyatakan cinta supaya dapatkan difahami oleh orang lain. Penguasaan terhadap menggunakan bahasa Melayu sangat penting untuk dikuasai oleh seluruh rakyat tempatan dengan baik sama ada secara lisan ataupun khusus. Oleh itu, bidang pendidikan yang dipertanggungjawab untuk mengajarkan mata pelajaran bahasa Melayu kepada para pelajar terutamanya bagi bukan pelajar Melayu (Nawi Ismail 1997).

Seterusnya, menurut Indhumathy (2013) bahawa bahasa Melayu juga berfungsi sebagai suatu alat perpaduan. Ini adalah kerana, kepelbagaiannya hidup bermasyarakat di Malaysia sangat penting untuk menguatkan ikatan perpaduan Kesan buruk jika laju

rakayat hidup tanpa perpaduan negara akan menyebabkan negara dalam kucar-kacir dan mengancam kedaulatan tanah air kita. Kaum majoriti di Malaysia adalah seperti kaum Melayu, Cina dan India. Selain itu, kaum Melayu merupakan penduduk asal Malaysia dan hampir keseluruhan kependudukan dalam negara majoriti adalah orang Melayu. Majoriti tersebut membuatkan bahasa Melayu menjadi pilihan dalam menjadi bahasa kebangsaan untuk Malaysia.

Menurut Salinah dan Rohaidah Harun (2016), kita semua ketahui hubungan diplomatik yang sangat rapat dengan Kerajaan China dari dahulu lagi. Dan sehingga ke hari ini hubungan itu masih bersama dan baik sekali terutamanya kerjasama dalam sektor pendidikan. Mengikut penulisan kajian oleh beberapa artikel-artikel yang menyatakan bahawa Kerajaan China kerap menghantar pelajar mereka ke Malaysia untuk memberi pendedahan pelajar China mereka untuk mempelajari bahasa Melayu dan budaya tempatan di sini. Kesan terhadap langsungan atau kekerapan pelajar China yang menuntut ilmu di sini telah memberikan impak yang positif kepada negara. Impak tersebut dapat meningkatkan kemasukan pelajar asing di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan menaikkan Malaysia dalam sektor pendidikan antarabangsa terutama dalam dunia yang kini banyak terlibat dalam sektor pendidikan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Yunnan Minzu yang asas sering menjadi masalah dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam kalangan pelajar. Kajian ini akan meneliti tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Yunnan Minzu (YMU), China, khususnya dari aspek morfologi. Menurut Nasrun & Collins (2017), kajian terhadap morfologi, sintaksis dan semantik agak kurang diberi perhatian. Seperti mana yang dintakan berhubung dengan hal ini boleh dilihat kepada tesis-tesis dan latihan ilmiah yang banyak mengisi perpustakaan institusi-institusi tempatan.

Oleh sebab itu, beberapa soalan dan kertas ujian akan digunakan kepada para pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan sebagai asas untuk menilai tahap penguasaan bahasa Melayu mereka. Penilaian ini amat penting bagi mengukur sama ada objektif pendidikan dapat tercapai atau sebaliknya. Dengan itu, kertas ini bertujuan untuk memberi sedikit gambaran tentang penguasaan aspek morfologi dalam kalangan pelajar Universiti Yunnan Minzu yang belajar di UKM dan USM.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sosiolinguistik merupakan satu bidang yang berpotensi luas di dalam Malaysia. Ini kerana negara Malaysia begitu kaya dengan data-data mengenai sosiolinguistik lantas kerana negara adalah pusat pertemuan beberapa kebudayaan sejak zaman-berzaman. Kemasukan pelajar dari Universiti Yunnan Minzu menjadi satu fenomena yang tidak asing lagi di Universiti Kebangsaan Malaysia dan di Malaysia.

Selain itu, terdapat kajian yang bersifat ilmiah pernah dilakukan oleh Salinah Jaafar dan Rohaidah Haron (2016) tetapi hanya memaparkan secara deskriptif tentang kesilapan bahasa Melayu pelajar Universiti Kebangsaan Yunan di Universiti Malaya dari aspek morfologi, sintaksis dan mekanikal.

Berdasarkan pengajaran dan pemerolehan bahasa Melayu oleh penutur asing di universiti, walaupun didapati bahawa para pelajar dari negara China yang mempelajari dan menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menghadapi masalah namun terdapat masalah lain juga dalam menguasai dalam aspek morfologi, malahan juga sintaksis, dan kesalahan aspek mekanikal.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah perkara yang penting dalam sesuatu penyelidikan. Hal ini kerana objektif kajian merupakan sasaran sebenar pengkaji untuk menyampaikan ideanya mengenai perkara penting dalam kajian yang akan dikaji dalam penyelidikannya. Oleh hal yang demikian, untuk menjayakan kajian yang dilakukan, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif yang harus dipenuhi. Objektif kajian ini adalah seperti di bawah :

1. Meninjau tahap penguasaan bahasa Melayu terhadap para pelajar Universiti Yunnan Minzu .
2. Mengesan beberapa kesilapan bahasa yang dilakukan oleh subjek kajian dari aspek morfologi.

KEPENTINGAN KAJIAN

Bahasa Melayu memainkan peranan yang penting dalam bidang pendidikan dari peringkat sekolah rendah sehingga ke tahap pengajian tinggi awam kerana ia merupakan bahasa pengantar utama. Kepentingan ini juga merujuk kepada para pelajar Universiti Yunnan Minzu sebagai kunci untuk mendapat penguasaan dan keputusan yang baik dalam bahasa Melayu di peringkat Ijazah. Oleh yang demikian, kepentingan kajian ini adalah bagi mengenal pasti sama ada pelajar YMU telah menguasai sistem tatabahasa bahasa Melayu khususnya dari aspek tatabahasa, ejaan dan ayat.

Kajian terhadap para pelajar YMU adalah perlu bagi meninjau serta mengenal pasti sejauh mana tahap penguasaan bahasa Melayu mereka. Kajian ini juga penting memandangkan kemasukan pelajar asing dari negara China yang ingin mempelajari bahasa Melayu dan mendapatkan ijazah dalam bidang Pengajian Melayu. Oleh itu, segala kelemahan atau ketidakseimbangan tahap penguasaan bahasa Melayu oleh kemasukan pelajar asing dari negara China yang ingin mempelajari bahasa Melayu dapat diungkapkan dan diperbaiki pada peringkat awal lagi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah lapangan yang memerlukan penulis bersemuka dengan subjek kajian. Penulis telah menggunakan model yang dikemukakan oleh (Trudgill & Chambers, 1990) “ linguistik lapangan merupakan satu cara mendapatkan data linguistik untuk mengkaji fenomena linguistik”. Kejayaan sesuatu penyelidikan adalah bergantung kepada perkaedahan yang digunakan untuk mencapai objektif kajian yang ingin dikaji oleh penulis. Model ini telah diaplikasikan dalam kajian penulis demi memastikan hasil kajian yang berkualiti dan bermutu.

Menurut Mohd Majid Konting (1998), penyelidikan pendidikan seperti juga penyelidikan sosial sering menggunakan populasi yang besar. Oleh itu, penulis talh mengaplikasikan penggunaan soal selidik sebagai alat ukur adalah lebih praktikal dan berkesan kerana dapat membantu mengurangkan perbelanjaan, masa dan tenaga bagi pengumpulan data. Soal selidik merupakan satu bentuk instrument yang banyak digunakan oleh penyelidik-penyelidik dalam bidang pendidikan untuk memperolehi fakta tentang suatu keadaan dan amalan yang sedang berlaku. Menurut, Deobold B. Van Dalen (1962), soal selidik juga digunakan untuk mengkaji berkaitan dengan sikap dan pendapat tentang sesuatu perkara.

Penulis telah bertemu secara langsung dengan subjek kajian yang terdiri daripada para pelajar Universiti Yunnan Minzu yang belajar di UKM dan USM untuk sesi pengajian 2019/2020. Kesemua subjek kajian iaitu sebanyak 16 orang kesemuanya telah mengambil program pengajian bahasa Melayu. Penulis mendapatkan maklumat responden/informan dengan menggunakan kaedah temu bual berkaitan dengan penguasaan bahasa mereka. Menurut Matthews (1990:1) sebagai satu kajian bentuk-bentuk kata dan cabang tatabahasa yang menyelenggarakan struktur hakiki kata-kata.


Oleh itu, penulis telah mengaplikasikan teori tersebut untuk mendapatkan data morfologi melalui set soalan yang perlu dijawab oleh subjek kajian ini. Penulis telah menggunakan ujian morfologi untuk mengukur tahap penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar YMU. Satu ujian morfologi telah diagihkan dan dijalankan dalam kajian ini iaitu melibatkan aspek penggolongan kata dan proses morfologi. Data yang telah diperolehi kemudiannya dianalisis untuk melihat tahap penguasaan khususnya dari segi aspek morfologi. Pada kajian ini penulis hanya akan membincangkan data morfologi hasil daripada jawapan yang telah diberi dan seterusnya dianalisis.

KAWASAN KAJIAN

Tempat kajian yang dipilih ialah universiti tempatan terpilih yang telah menempatkan pelajar Universiti Yunnan Minzu di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Oleh itu, kajian ini melibatkan hanya penuntut asing dari pelajar Universiti Yunnan Minzu yang mengikuti pengajian di Malaysia sahaja. Mereka ini terdiri dalam bawah satu kelompok program yang sama iaitu Program Pengajian Bahasa Melayu di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Pengedaran borang soal selidik dan kertas ujian untuk mendapatkan data pula dibataskan di dalam kelas wajib bahasa Melayu sahaja kerana semua pelajar YMU belajar dan bersama-sama dalam satu kelas sahaja. Ini sekaligus dapat memudahkan pencarian informan bagi membantu pengkaji mendapatkan data.


SUBJEK KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji hanya mengambil sampel daripada para pelajar Universiti Yunnan Minzu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Subjek kajian yang terlibat adalah penuntut asing yang berasal atau warganegara China dari Universiti Yunnan Minzu yang mengikuti pengajian di Malaysia dengan menjurus kepada program bahasa Melayu. Dalam kajian ini, responden/informan yang terlibat hanyalah penuntut dari Universiti Yunnan Minzu dari China dan bahasa mereka yang bahasa natifnya bukan dari rumpun Melayu. Dalam kajian ini, latar belakang responden merangkumi beberapa pemboleh ubah sosial iaitu jantina, bahasa ibunda, umur, tempat tinggal kolej serta institusi pengajian. Beberapa pemboleh ubah ini melengkapkan butiran peribadi yang ingin diketahui oleh pengkaji.




RAJAH 1. Taburan Responden Mengikut Jantina

Rajah 1 menunjukkan taburan responden yang dijadikan sebagai subjek kajian. Bilangan responden mengikut jumlah pelajar dari Universiti Yunnan Minzu yang belajar di Malaysia bagi sesi pengajian 2019/2020. Pada sesi pengajian tersebut, hanya 16 orang pelajar sahaja yang belajar di UKM dan USM. Subjek kajian terdiri daripada pelajar kedua-dua jantina lelaki dan perempuan. Hasil kajian mendapati responden pelajar lelaki seramai 2 orang sahaja iaitu sebanyak 13% manakala perempuan pula seramai 14 sebanyak 88%. Jumlah kesemua responden adalah seramai 16 orang dan kesemua mereka terdiri daripada pelajar China Yunnan memandangkan tumpuan kajian ialah pelajar China dari Universiti Yunnan Minzu.



RAJAH 2. Taburan Responden Mengikut Umur

Taburan responden dalam rajah 2 merupakan taburan mengikut umur pelajar dari Universiti Yunnan Minzu. Di samping itu, pengkaji juga mendapati responden pelajar YMU mempunyai umur yang berbeza-beza. Ini akan membuatkan tafsiran data kajian ini akan lebih menarik dan pelbagai. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga peringkat umur yang berbeza dalam kalangan pelajar YMU iaitu umur 20, 21 dan 22 tahun. Seterusnya, dalam kajian didapati pada umur 20 tahun sebanyak 44% iaitu berjumlah tujuh orang dan responden yang berumur 21 dan 22 masing-masing berjumlah dua orang iaitu pada 13% peratus sahaja.



RAJAH 3. Taburan Responden Mengikut Tempat pengajian

Rajah 3 menunjukkan taburan responden yang dijadikan sebagai subjek kajian. Subjek kajian terdiri daripada institusi pengajian yang berbeza. Terdapat dua buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menjadikan pilihan pelajar Universiti Yunnan Minzu untuk mendalami bidang pengajian bahasa Melalui untuk sesi 2019/2020 iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia

(USM). Hasil kajian mendapati responden pelajar yang belajar di UKM seramai 10 pelajar iaitu 63% peratus dan hanya seramai 6 pelajar YMU belajar di USM. Jumlah kesemua responden adalah seramai 16 orang dan kesemua mereka terdiri daripada pelajar China Yunnan memandangkan tumpuan kajian ialah pelajar China dari Universiti Yunnan Minzu bagi sesi pengajian 2019/2020 di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN UJIAN MORFOLOGI

Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Terhadap Para Pelajar Universiti Yunnan Minzu

Menurut Zaharani & Nor Hashimah (2010), salah satu aspek dalam morfologi ialah pengimbuhan iaitu yang menggandingkan imbuhan dengan kata dasar dan menghasilkan satu bentuk kata berimbuhan yang dikenali sebagai kata terbitan. Menurut mereka lagi, kebanyakan buku nahu menggolongkan imbuhan bahasa Melayu kepada empat jenis yang utama, iaitu awalan, akhiran, sisipan dan apitan. Penjenisan ini dibuat berdasarkan posisi yang diduduki oleh sesuatu imbuhan itu dalam konteks penggandingannya dengan kata dasar.

Imbuhan yang mendahului kata dasar dinamakan awalan, yang mengakhiri kata dasar dinamakan akhiran, yang menyelit di tengah kata dasar dinamakan sisipan, dan yang mengapit kata dasar dinamakan apitan. Dalam pemaparan data ini menunjukkan dapatan kajian dalam objektif pertama iaitu meninjau tahap penguasaan morfologi dalam kalangan para pelajar YMU serta keputusan bagi setiap kategori morfologi yang menjadi tumpuan kajian. . Hasil dapatan kajian ini, dapat memaparkan tahap sebenar penguasaan dan kesilapan morfologi dalam kalangan pelajar YMU akan diketahui.

Analisis borang soal selidik dan kertas ujian morfologi telah dijalankan oleh pengkaji terhadap 16 orang pelajar YMU di UKM dan USM. Hasil analisis dipaparkan dalam bentuk jadual bagi keputusan markah yang diperolehi oleh setiap pelajar tersebut manakala keputusan setiap kategori morfologi akan dipaparkan dalam jadual 1 untuk memudahkan pemahaman dan lebih jelas data dapat dibentangkan. Disusun bermula dari markah paling tinggi dan seterusnya markah yang paling rendah akan berada di bawah sekali. Tahap penguasaan morfologi diukur berdasarkan kategori skala yang terdapat dalam jadual.

Seterusnya, pengkaji juga menyediakan data-data mengenai keputusan markah keseluruhan ujian morfologi dan seterusnya akan diperlihatkan dapatan kajian tentang keputusan ujian morfologi yang menjadi tumpuan kajian pengkaji dalam bentuk carta pai. Pengkaji telah mengasingkan setiap soalan mengikut aspek-aspek morfologi yang menjadi tumpuan kajian kepada tiga bahagian iaitu konsep kata, golongan kata dan pembentukan kata.

JADUAL 1. Keputusan Markah Ujian Morfologi Pelajar YMU

Bilangan pelajar YMU	Markah Ujian Morfologi (%)
1	73%
2	70%
3	15%
4	58%
5	53%
6	58%
7	45%
8	48%
9	40%
10	35%
11	46%
12	63%
13	63%
14	48%
15	60%
16	53%

Dalam permarkahan yang telah dicatatkan oleh pengkaji dapat disimpulkan bahawa tahap penguasaan morfologi dalam kalangan pelajar China YMU adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Ini adalah kerana seramai sembilan orang sahaja yang berjaya mendapat keputusan yang kurang memuaskan pada tahap 50% ke atas. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar Universiti Yunnan Minzu yang mengikuti program pengajian bahasa Melayu bagi sesi 2019/2020 di Malaysia perlu diberi tumpuan yang lebih mendalam dari aspek morfologi khususnya.

Walaupun kesemua responden/informan kajian ini hanya didedahkan dengan bahasa Melayu semasa mereka mengikuti pengajian bahasa Melayu di Universiti Yunnan Minzu, China tetapi memandangkan penguasaan ini dapat menjadikan seseorang pelajar itu menggunakan bahasa Melayu secara spontan sesuai dengan peraturan penggunaan bahasa dan dianggap sebagai seorang pelajar bahasa yang cekap berkomunikasi dalam bahasa Melayu (Zulkifley Hamid, 2011).

Kesilapan Bahasa yang Dilakukan oleh Subjek Kajian dari Aspek Morfologi

Menurut Abdullah Hassan (2006), morfologi ialah satu bidang yang mengkaji bentuk-bentuk perkataan. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata. Selain itu, morfologi didefinisikan sebagai kajian tentang pembentukan kata dalam sesuatu bahasa, termasuk infleksi, terbitan dan pemajmukan.

Matthews (1990) pula mengatakan bahawa morfologi sebagai satu kajian bentuk-bentuk kata dan cabang tatabahasa yang menyelenggarakan struktur hakiki kata-kata. Morfologi yang merujuk kepada sistem minda yang melibatkan pembentukan kata, iaitu satu bidang yang menyentuh kata, struktur kata dan cara sesuatu kata itu dibentuk. Dalam BM, kata morfologi berupa transliterasi kata bahasa Inggeris (BI) morphology yang dalam ilmu linguistik bermaksud “kajian bentuk kata”. Selain itu, kata morfologi itu ialah kata bahasa Yunani (Greek),morph yang bermaksud “bentuk”

Pelajar baru khususnya pelajar asing akan mengalami kesukaran kerana mereka akan sukar dalam memahami sistem morfologi bahasa Melayu untuk dikuasai sepenuhnya oleh mereka. Berdasarkan penelitian terhadap skrip para pelajar, antara kesilapan yang dilakukan termasuklah konsep kata, pembentukan kata dan golongan kata.

A. Konsep Kata

Konsep kata ialah unit tatabahasa yang terkecil dan bebas serta mengandungi makna yang lengkap. Kata mesti dibezakan daripada morfem. Perbezaan antara kata dengan morfem ialah kata bersifat bebas, iaitu berdiri sendiri sedangkan morfem boleh terdiri daripada yang bersifat bebas dan yang terikat, iaitu yang tidak dapat wujud bersendirian.

i. Kata Terbitan

Penjenisan ini dibuat berdasarkan posisi yang diduduki oleh sesuatu imbuhan itu dalam konteks penggandingannya dengan kata dasar. Imbuhan yang mendahului kata dasar dinamakan awalan, yang mengakhiri kata dasar dinamakan akhiran, yang menyelit di tengah kata dasar dinamakan sisipan, dan yang mengapit kata dasar dinamakan apitan.

Sebagai contoh jenis kesalahan dalam kata terbitan seperti:

Yang manakah kata dasarnya terbina daripada kata terbitan?

- I Keterlibatan
- II Keberkesanan
- III Kebolehubahan
- IV Kehijau-hijauan

Hasil kajian mendapati sebilangan kecil respondan masih lemah dalam penggunaan kata terbitan. Mereka tidak dapat mengesan kesalahan kata terbitan dalam ayat yang diberikan sehingga membuat mereka melakukan kesalahan dengan memilih jawapan yang kurang tepat sebagai satu kesalahan morfologi. Ada pelajar yang menjawab

“kebolehubahan” dan “kehijau-hijauan”.

Kesalahan ini dilihat apabila pelajar keliru dengan bahagian konsep kata seperti kata dasar, kata majmuk dan kata ganda. Jika dilihat pada soalan ini kata dasar “keterlibatan” dan “keberkesanan” terbina daripada kata terbitan iaitu “terlibat” dan “berkesan”. Perkataan “kebolehubahan” terbina daripada kata majmuk “boleh ubah” dan “kehijau-hijauan” terbina daripada kata ganda “hijau-hijau”.

B. Golongan Kata

Berdasarkan kriteria sintaksis (binaan ayat) dan semantik (makna perkataan) kata tergolong kepada kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Pada peringkat awal, apabila menghuraikan bahasa Melayu dari aspek ejaan, morfologi, sintaksis, tanda baca, hal ehwal karang-mengarang dan gaya bahasa, buku-buku tatabahasa turut memberi huraian yang mendalam terhadap aspek golongan kata Menurut Nik Safiah (1992: 174), terdapat semacam kesepakatan dalam memberikan istilah nama (bagi kata nama) dan perbuatan (bagi kata kerja), tetapi terdapat pelbagai istilah bagi merujuk kata sifat..

i. Kata Ganti Nama

Menurut Abdullah Hassan (1973), kata ganti nama boleh menggantikan nama khas. Sementara itu, Nik Safiah, Farid, Hashim dan Abdul Hamid (2004), frasa boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa preposisi. Frasa nama pula terdiri daripada kata nama sebagai kepalanya.

Pengkaji telah mengambil soalan satu dalam bahagian kata ganti diri tanya dan mendapati bahawa segelintir pelajar YMU tidak dapat menjawab dengan betul. Soalan tersebut seperti:

Yang manakah kata ganti diri nama diri tanya?

- I Apa
- II Siapa
- III Berapa
- IV Mengapa

Soalan ini telah mendapat statistik yang memberansangkan apabila hampir keseluruhan pelajar YMU tidak berjaya untuk menjawab soalan tersebut dengan betul. Jawapan betul untuk soalan di atas adalah “apa” dan “siapa”. Penerangan pada jawapan tersebut adalah kerana “apa” dan “siapa” merupakan kata soal yang merujuk kepada frasa nama. Sebagai contoh:

‘Apakah nama saudari itu? (kata ganti diri tanya) Jawapan kepada soalan itu akan seperti:

Nama saudari itu ialah Amira. (frasa nama)

Soalan ini telah mendapat statistik yang memberansangkan apabila hampir

keseluruhan pelajar YMU tidak berjaya untuk menjawab soalan tersebut dengan betul. Jawapan betul untuk soalan di atas adalah “apa” dan “siapa”. Penerangan pada jawapan tersebut adalah kerana “apa” dan “siapa” merupakan kata soal yang merujuk kepada frasa nama. Sebagai contoh:

‘Apakah nama saudari itu? (kata ganti diri tanya) Jawapan kepada soalan itu akan seperti:

Nama saudari itu ialah Amira. (frasa nama)

Jawapan tersebut merujuk kepada frasa nama yang ditanya oleh kata tanya yang bersifat kata nama. Jikalau pilihan jawapan “berapa” ianya merujuk kepada perosalan yang membawa jawapan ke arah sifat bilangan atau bejumlah. Jawapan “berapa” dan “mengapa” salah dan bukan tergolong dalam kata ganti diri nama tanya. Golongan kata yang terlibat dalam kata ganti diri nama tanya adalah apa, siapa dan mana. Terdapat tiga kata tanya yang bersifat kata nama.

Merujuk kepada dapatan kajian bahawa pengkaji mendapati hampir majoriti responden masih lemah dalam penggunaan kata ganti diri nama tanya. Mereka keliru dengan pilihan jawapan dan tidak dapat mengenal pasti kata ganti diri nama tanya yang betul dan sesuai dengan soalan yang diberikan sehingga membuat mereka melakukan kesalahan dengan memilih jawapan yang kurang tepat sebagai satu kesalahan morfologi. Selain itu, para pelajar ini mempunyai kesukaran untuk mengenal pasti penggunaan kata ganti diri nama tanya yang betul mengikut soalan tertentu dan ini menunjukkan bahawa mereka masih belum dapat menguasai aspek golongan kata yang didukung oleh setiap kata ganti diri nama tanya tersebut.

C. Pembentukan Kata

Dalam istilah linguistik, pembentukan kata ialah satu proses yang mana perkataan baru dibentuk. Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2008), proses pembentukan kata menerangkan bagaimana sesuatu kata itu dibina dan dibentuk sehingga dapat menghasilkan ayat dan ujaran dalam sesuatu bahasa. Selain itu, perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu juga wujud melalui proses-proses tertentu seperti akronim, analogi, peleburan fonem, peluasan makna, pemberian makna khusus, peminjaman kata, penambahan, penciptaan, penggembangan, penyempitan makna, dan penyingkatan. Perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu ada yang berbentuk tunggal, terbitan, majmuk dan gandaan. Setiap bentuk tersebut mempunyai cara pengejaannya yang tersendiri serta membawa makna yang khusus sebagai rujukan.

i. Proses Pengimbuhan

Proses pengimbuhan ialah proses merangkaikan imbuhan pada kata dasar untuk membentuk kata terbitan. Imbuhan terbahagi kepada empat jenis iaitu imbuhan awalan, imbuhan akhiran, imbuhan apitan dan imbuhan sisipan. Selain itu, imbuhan itu pula ada yang membentuk kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Pengkaji mengambil contoh soalan proses pengimbuhan dari imbuhan peR-. Pada umumnya, awalan peR- berganding dengan kata dasar daripada golongan kata nama dan kata kerja untuk membentuk kata nama.

Selain itu, awalan ini mempunyai tiga makna iaitu orang yang melakukan kerja dengan awalan beR- seperti **perburu** iaitu orang yang berburu. Kedua ialah tempat sesuatu kerja dilakukan misalnya **perbara** iaitu tempat berisi bara api untuk membakar

kemenyan. Ketiga ialah sesuatu yang dalam keadaan diperlakukan seperti pertaruhan iaitu sesuatu yang dipertaruhkan. Pengkaji telah menguji imbuhan *peR-* ini dengan soalan seperti:

Antara ayat yang berikut, yang manakah menggunakan kata berimbuhan *peR...-an* dengan betul?

- I. Tempoh perlucutan senjata antara puak yang bertelagah telah dilanjutkan.
- II. Perceraian antara ibu bapa akan membawa kesan psikologi kepada anak-anak.
- III. Perlaksanaan kaedah *techprep* dalam pengajaran sains dapat mendapat sokongan semua pihak.
- IV. Kita hendaklah mengenal pasti permasalahan yang wujud dalam melaksanakan program tersebut.

Jika dilihat pilihan jawapan untuk ‘perlucutan’ senjata adalah salah dan jawapan yang betul adalah menggunakan imbuhan *peN-* seperti penlucutan senjata kerana imbuhan *peN-* ini sesuai digunakan pada kata dasar “lucut”.

Imbuhan *peN-*

Perlucutan → **Pelucutan**

Perlaksanaan → **Pelaksanaan**

Sebab perkataan tersebut mengalami proses *pe-....-an* sahaja kerana untuk kata dasar yang bermula dari huruf [l], [r], [n], [m], [ny], dan [ng]. Untuk meletak imbuhan *peN-* mesti menggunakan *pe-....-an*. Sebagai contoh pemandam, pelari, peragut, penyanyi dan pemabuk. Selain itu, untuk berapitan *per-....-an* hampir semua kata dasar boleh guna kecuali yang bermula dengan huruf [r]. Kesalahan akan jelas dilihat apabila seperti **perrampasan**, **perrisikan** dan sebagainya.

Pengkaji mendapati segelintir responden masih kurang menguasai proses pengimbuhan dalam pembentukan kata. Mereka keliru dengan pilihan jawapan dan tidak dapat mengenal pasti pengimbuhan *peR-* yang betul dan sesuai dengan soalan yang diberikan sehingga membuat mereka melakukan kesalahan dengan memilih jawapan yang kurang tepat sebagai satu kesalahan morfologi. Selain itu, para pelajar ini mempunyai kesukaran untuk mengenal pasti proses pengimbuhan *peR-* yang betul mengikut soalan tertentu dan ini menunjukkan bahawa mereka masih belum dapat menguasai aspek pengimbuhan *peR-* yang didukung oleh setiap proses pengimbuhan dalam pembentukan kata.

ii. Proses Penggandaan

Penggandaan adalah sesuatu proses yang mengulang kata dasar. Pengulangan itu boleh berlaku kepada seluruh atau sebahagian daripada perkataan. Selain itu, proses penggandaan terbahagi kepada tiga jenis iaitu:

- Penggandaan penuh
- Penggandaan separa
- Penggandaan berentak

Pengkaji telah mengambil satu soalan dari ujian morfologi untuk menguji tahap proses penggandaan dalam bahagian pembentukan ganda. Contoh soalan 37 tersebut adalah:

- Mereka berjalan _____ menyusuri pantai.
- A. berpasang-pasang
 - B. bertolak-talik
 - C. beratus-ratus
 - D. berdua-duaan

Kebanyakkan pelajar YMU menjawab atau memilih “berpasang-pasang”. Kata “berdua-duaan” menunjukkan sesuatu perbuatan yang dilakukan hanya berdua sahaja seperti ingin melakukan sesuatu perkara. Selain itu, untuk pilihan jawapan “berpasang-pasang” pula merujuk kepada ingin menunjukkan keadaan atau sifat sesuatu. Sebagai contoh ayat:

“Berpasang-pasang baju Fikri dibeli oleh Murad sempena hari jadinya”.

Penggandaan untuk “berdua-duaan” pula merujuk kepada golongan kata ganda separa yang bersifat perbuatan yang berpanjangan. Jawapan paling sesuai adalah “berdua-duaan” .

Merujuk kepada dapatan kajian bahawa pengkaji mendapati segelintir responden masih lemah dalam penggunaan proses penggandaan. Mereka keliru dengan pilihan jawapan dan tidak dapat mengenal pasti penggandaan yang betul dan sesuai dengan soalan yang diberikan sehingga membuat mereka melakukan kesalahan dengan memilih jawapan yang kurang tepat sebagai satu kesalahan morfologi.

Selain itu, para pelajar ini mempunyai kesukaran untuk mengenal pasti proses penggandaan separa yang betul mengikut soalan tertentu dan ini menunjukkan bahawa mereka masih belum dapat menguasai aspek bentuk kata ganda yang didukung oleh setiap proses penggandaan.

Analisis Sikap Bahasa Pelajar YMU

Hasil kajian mendapati bahawa penguasaan morfologi dalam kalangan pelajar China YMU ini adalah berada pada tahap memuaskan sahaja pada kedua-dua buah universiti yang telah dipilih meskipun mereka masih dapat menguasai beberapa aspek dengan baik sekali. Selain itu, tahap penguasaan khususnya bidang morfologi seseorang pelajar sama ada lemah, sederhana ataupun baik sekalipun mesti mempunyai alasan yang tersendiri. Berdasarkan analisis yang pengkaji buat atas sikap pelajar dan hasil ujian dan beberapa temubual, dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan morfologi pelajar China YMU di UKM dan USM. Pertama, pengaruh bahasa ibunda iaitu bahasa Mandarin.

Kesalahan yang dapat dilihat adalah dalam morfologi bahasa Melayu terjadi apabila disebabkan gangguan yang diterima daripada bahasa ibunda terutamanya jika pengaruh bahasa ibundanya sangat kuat. Mereka hanya belajar di Malaysia dalam masa setahun sahaja dan kurang mampu untuk menguasai bahasa Melayu dengan cepat dan fasih. Dalam hal ini, pengaruh bahasa ibunda pelajar iaitu bahasa Mandarin sangat kuat dalam diri mereka kerana melalui soal selidik yang diedarkan, penggunaan bahasa Mandarin hampir digunakan dalam semua aktiviti dan pertuturan mereka.

Berdasarkan analisis terhadap soal selidik, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa faktor kedua yang mempengaruhi tahap pengausaan morfologi dalam kalangan pelajar YMU ialah kekurangan membaca bahan bacaan bahasa Melayu yang bercorak akademik dan ilmiah. Selain itu, pembacaan bahan bacaan seperti novel dan majalah hiburan tidak akan membantu pelajar YMU dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam morfologi kerana bentuk dalam morfologi dalam bahan bacaan seperti itu tidak tepat dan sesuai yang secara langsung mempengaruhi penguasaan morfologi pelajar YMU. Kesannya, pelajar akan jarang membaca buku bahasa Melayu yang bercorak ilmiah, pelajar akan jarang dide dahukan dengan penggunaan bahasa Melayu standard sehingga mereka tidak dapat meningkatkan tahap pengetahuan mereka.

Faktor terakhir ialah sikap pelajar terhadap bahasa Melayu. Berdasarkan borang soal selidik yang terdapat pada bahagian B dan hasil temu bual bersama pelajar YMU, pengkaji mendapati bahawa pelajar YMU mempunyai sikap yang kurang positif. Sikap bahasa amat penting dalam menguasai dan mencorak minat seseorang pelajar terhadap bahasa yang sedang dipelajarinya. Penguasaan terhadap bahasa merangkumi aspek tatabahasa dan dalam kajian ini ialah aspek morfologi.

Jika dilihat menunjukkan seseorang pelajar akan menganggap bahawa bahasa Melayu merupakan merupakan bahasa yang paling mudah untuk dipelajari, dan sikap ini akan menjadikan mereka mengambil mudah dan bersikap acuh tidak acuh dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam aspek morfologi. Sikap ambil mudah dan samba lewa menjadikan mereka memuaskan dan sebahagian lulus dalam menguasai ujian morfologi bahasa Melayu dengan baik.

Kesan terhadap tindakan ini akan menyebabkan pelajar akan hilang keyakinan untuk mempelajari bahasa Melayu dan menyebabkan dia kurang berusaha untuk meningkatkan penguasaannya dalam bahasa Melayu. Semasa temubual ringkas dan sesi pembelajaran bersama di dalam kelas melihatkan sikap pelajar yang jarang untuk bertanya dan senyap sepanjang tamat kelas semasa pensyarah mengajar menjadi punca mereka tidak dapat menguasai morfologi dengan baik. Mereka mampu bersikap pasif semasa waktu pembelajaran berlangsung menyebabkan mereka lebih sukar untuk menguasai bahasa Melayu. Seterusnya, sikap negatif ini yang akan menghalang usaha mereka untuk mempelajari dan memahami bahasa dan morfologi bahasa Melayu. Kesannya, para pelajar YMU akan ketinggalan dan lambat untuk menguasai bahasa Melayu dengan cepat dan baik sekali.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini merupakan suatu bukti yang mengatakan bahawa pelajar asing yang belajar bahasa Melayu khususnya pelajar YMU mempunyai tahap penguasaan bahasa yang memuaskan sahaja. Dalam dapatan kajian, melihatkan juga bahawa peratus yang memberansangkan pada tahap 50% hanya sembilan orang sahaja. Statistik ini jelas menunjukkan yang mana tahap penguasaan bahasa kedua iaitu bahasa Melayu masih kurang memuaskan. Kaedah kata seperti konsep kata, golongan kata dan pembentukan kata telah dimasukkan ke dalam kertas ujian morfologi mereka untuk menguji tahap penguasaan mereka sebagai bahasa kedua. Selain itu, aspek kesalahan bahasa merupakan aspek yang tidak boleh diketepikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, terutama bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1973. Golongan-golongan Kata dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 17(8), 368-382.
- Abdullah Hassan. 2006. *Morfologi*. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing Sdn
- Indhumathy a/p Munusamy. 2013. Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Peralihan di Tiga Buah Sekolah di Daerah Skudai. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Kamus Dewan. 2007. Edisi ke-4. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Matthews, P.H. 1990. *Morphology: The Descriptive Analysis of Word Structure*. Cambridge: University of Michigan Press.
- Mohd Majid Konting. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nawi Ismail. 1997. Matlamat Pendidikan bahasa Melayu Peringkat Sekolah Menengah. *Jurnal Dewan Bahasa*, 8 (4), 690-698.
- Nasrun Alias & James T. Collins. 2017. Pendokumentasian Dialek Ulu Terengganu Sebagai Wahana Komunikasi: Satu Tinjauan Awal Aspek Morfologi. *Jurnal Melayu. Isu Khas*, 436-457.
- Nik Safiah Karim. 1992. “Tatabahasa Bahasa Melayu 1900-1940”. Prosiding Persidangan Antarabangsa Linguistik Melayu. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia dan Dewan Bahasa
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj Musa & Abdul Hamid. 2004 *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Salinah & Rohaidah. 2016. Kesilapan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 196-206.
- Siti Hajar Abdul Aziz. 2008. *Bahasa Melayu 1. Siri Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Wankhede, M.S. 2012. Linguistic Skills and Communicative Abilities. The Criterion: An International Journal in English . (Atas talian). Muat turun pada 24 Oktober. 2013, daripada www.The-criterion.com
- Zaharani Ahmad & Nor Hashimah. 2010. Isu Imbuhan /di-I/ Bahasa Melayu: Apitan atau Gabungan. *Jurnal Melayu*, 5,103-1266.
- Zulkifley Hamid. 2011. Peranan Teori Psikolinguistik Dalam Pemurnian dan Pemerkaaan Pendidikan Bahasa Melayu Di Malaysia. *Jurnal e-Bangi*, 6 (2), 183-192

Biodata Penulis:

Fikri Ghafar adalah bekas pelajar Program Bahasa Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM. Beliau kini bertugas sebagai editor di sebuah syarikat penerbitan di Melaka.

Sa'adiah Ma'alip (PhD) adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau pakar dalam bidang sosiolinguistik.